




PELAN **STRATEGIK** 2016-2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS



PELAN **STRATEGIK** 2016-2020

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS





KANDUNGAN

PERUTUSAN YAB MENTERI BESAR PERLIS	4
ASPIRASI YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS	5
RINGKASAN EKSEKUTIF	6
BAHAGIAN 1: PENDAHULUAN PSUK Ps	7
▶ Latar Belakang Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	8
▶ Visi Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2016 – 2020	9
▶ Misi Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2016 – 2020	9
▶ Moto Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2016 – 2020	9
▶ Nilai-Nilai Bersama	10
BAHAGIAN 2: PELAN STRATEGIK UMUM	13
▶ Punca Kuasa	14
▶ Stakeholders	15
▶ Isu dan Cabaran	16
▶ Peranan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	19
▶ Analisis Kekuatan, Kelemahan, Peluang dan Cabaran	20
BAHAGIAN 3: PELAN STRATEGIK 2016 – 2020	21
▶ Ringkasan Pelan Strategik 2016 – 2020	22
▶ Teras Strategik	22
Teras Strategik 1	23
• Jadual Analisis SWOT	24
• Strategi Dan Program	25
• Pelan Tindakan 2016 – 2020	26
Teras Strategik 2	29
• Jadual Analisis SWOT	30
• Strategi Dan Program	31
• Pelan Tindakan 2016 – 2020	32
Teras Strategik 3	33
• Jadual Analisis SWOT	34
• Strategi Dan Program	35
• Pelan Tindakan 2016 – 2020	36
Teras Strategik 4	37
• Jadual Analisis SWOT	38
• Strategi Dan Program	39
• Pelan Tindakan 2016 – 2020	40
BAHAGIAN 4: KAJIAN PELAN STRATEGIK 2016 – 2020	43
▶ Rangkaian Strategik	44
▶ Elemen Penentu Kejayaan	45
▶ Pemantauan dan Kajian Semula Pelan Strategik	46
▶ Ke Arah Transformasi Nasional 2050 (TN50)	47
PENUTUP	48

PERUTUSAN

YAB MENTERI BESAR PERLIS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Perlis

“Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju”



DATO' SERI AZLAN MAN
Menteri Besar Perlis

Tahniah dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Korporat dan Integriti yang telah berusaha dan beriltizam untuk menghasilkan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Ps) 2016 – 2020. PSUK Ps berperanan sebagai *lead agency* dalam memastikan semua dasar yang diputuskan oleh Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan sempurna agar manfaat dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat. Penghasilan buku Pelan Strategik PSUK Ps 2016 – 2020 ini dapat dijadikan rujukan dan panduan utama dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan serta dapat dijadikan panduan dalam penilaian tugas dan tanggungjawab penjawat awam PSUK Ps.

Cabaran globalisasi, sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial telah menyaksikan perubahan besar dalam lanskap penyampaian perkhidmatan Kerajaan Negeri dalam misi memenuhi ekspektasi rakyat dan *stakeholders* yang semakin meningkat. Dekad yang mencabar ini menuntut organisasi untuk mencipta dan menghasilkan model pelan strategik yang bitara, dinamik dan efisien dalam usaha melonjakkan lagi kewibawaan sektor awam agar lebih berdaya saing. Inisiatif yang diambil oleh PSUK Ps ini adalah satu langkah proaktif ke arah memastikan perancangan Kerajaan Negeri berjalan dengan lancar.

Sehingga kini, Negeri Perlis telah mempamerkan prestasi yang baik dalam pelbagai sektor melalui perancangan yang telah digubal dan dirangka oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri juga turut menyedari bahawa usaha berterusan perlu diambil untuk meningkatkan lagi produktiviti dan kecekapan sumber manusia dalam perkhidmatan awam bagi meningkatkan daya saing dan kemakmuran negara, serta merencanakan lagi pembangunan ekonomi dan sosial di Negeri Perlis. Pelan strategik ini adalah wahana pengurusan yang menentukan hala tuju PSUK Ps serta dapat dijadikan *blueprint* kesinambungan **Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 (RSN Perlis)** yang merupakan dokumen perancangan jangka panjang pembangunan Negeri Perlis sebagai **Negeri Bandaraya menjelang 2030**.

Dalam menggapai teras Pelan Strategik ini, ingin sekali saya menyampaikan hasrat dan pesanan agar buku panduan ini dihayati dan perancangan dilaksanakan dengan penuh iltizam. Saya juga menyeru agar barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, para penjawat awam, khususnya kakitangan PSUK Ps, pihak swasta, badan-badan korporat yang beroperasi di negeri ini, sehinggalah kepada rakyat Perlis sendiri, agar terus berusaha memacu pembangunan dan memastikan kelestarian negeri ini bagi meningkatkan mutu keunggulan dalam penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan matlamat pelan strategik ini.

Sekian, “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.



ASPIRASI

YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan inayah dan rahmatNya, Pelan Strategik PSUK Ps 2016 – 2020 ini berjaya diterbitkan dengan jayanya. Setinggi penghargaan juga kepada Bahagian Pengurusan Korporat & Integriti dan semua pihak yang terlibat dalam menyumbang tenaga dan kepakaran bagi menyediakan Pelan Strategik PSUK Ps 2016 – 2020 ini.

Seiring dengan kematangan usia, PSUK Ps terus gigih menformulasi rancangan untuk menambah baik gerak kerja dalam pengurusan, perkhidmatan, ekonomi, dan sukan. Pelan strategik PSUK Ps bagi tempoh 2016 – 2020 menjadi satu modul serta garis panduan bagi penjawat awam untuk memastikan kualiti perkhidmatan sentiasa meningkat bagi menambahkan mutu kesejahteraan kehidupan warga Perlis. Usaha ini secara tidak langsung akan dapat merealisasikan hala tuju PSUK Ps untuk menjadi agensi peneraju transformasi pentadbiran awam negeri menjelang tahun 2020, serta memenuhi misinya dalam memacu penyampaian perkhidmatan awam negeri ke arah mencapai perkhidmatan bertaraf kelas pertama melalui transformasi dan penambahbaikan berterusan.

Secara umumnya, Pelan Strategik PSUK Ps 2016 - 2020 merangkumi Teras Strategik, Strategi, Program serta Indikator Sasaran yang dirancang dan dilaksanakan selaras dengan hasrat Pentadbiran Kerajaan Negeri Perlis berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Perlis (RSN) 2030. RSN 2030 merupakan Pelan Pembangunan Strategik yang mengandungi pernyataan dasar, strategi dan cadangan am serta arah tuju pembangunan fizikal Negeri Perlis untuk jangka masa sehingga tahun 2030 dan merupakan asas kepada pembentukan Rancangan Tempatan. Penyediaan RSN ini juga adalah berdasarkan kepada peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172).

Akhir kalam, saya mengharapkan PSUK Ps akan terus kekal relevan dan meningkatkan mutu keunggulan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan perkembangan terkini. Semoga dengan semangat dan kerjasama yang diberikan ini akan memberikan suntikan motivasi kepada seluruh warga PSUK Ps untuk sama-sama menyumbang kepada kelestarian pembangunan fizikal dan rohani Negeri Perlis.

Sekian.



**YB TUAN AHMAD ZAMRI
BIN KHAIRUDDIN**
Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis

RINGKASAN

EKSEKUTIF

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2016 – 2020 adalah kesinambungan daripada pelan strategik yang sebelumnya bagi tahun 2009 – 2015. Pelan strategik ini menggariskan hala tuju PSUK Ps yang bermatlamatkan **Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 (RSN Perlis)** dan juga memperkukuh sistem penyampaian PSUK Ps dalam memacu penyampaian perkhidmatan negeri bertaraf kelas pertama dalam menerajui transformasi pentadbiran awam negeri yang menyeluruh menjelang tahun 2020.

Pelan strategik ini dirangka berdasarkan input dan perancangan yang diterima melalui Bengkel Pembangunan Pelan Strategik 2016 – 2020 PSUK Ps yang telah diadakan pada 16 hingga 18 Mac 2016. Seterusnya, draf pertama pelan strategik tersebut dibentang dan dimantapkan lagi melalui Mesyuarat Penyelarasan Pelan Strategik 2016 – 2020 PSUK Ps Bilangan Satu Tahun 2016 pada 31 Mac 2016 dan juga Mesyuarat Penyelarasan Pelan Strategik 2016 – 2020 PSUK Ps Bilangan Dua pada 02 Jun 2016.

Hasilnya, satu pelan strategik yang mengandungi Visi, Misi, Nilai-Nilai Bersama, Teras Strategik dan Pelan Tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai strategi dan perancangan aktiviti PSUK Ps bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Dalam pelan ini, empat (4) teras strategik akan dijadikan hala tuju dan tumpuan dalam usaha PSUK Ps untuk memastikan pencapaian indikator-indikator yang telah ditetapkan. Empat (4) teras strategik ini merupakan elemen yang diketengahkan dalam usaha memperkukuh kedudukan PSUK Ps sebagai peneraju bertaraf kelas pertama dalam perkhidmatan awam negeri.

Empat (4) teras strategik tersebut adalah:

- i PENGURUSAN** ➤ Memperkasakan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan ke arah kecemerlangan organisasi;
- ii PERKHIDMATAN** ➤ Memperkasakan serta merakyatkan penyampaian perkhidmatan ke arah meningkatkan kualiti hidup;
- iii EKONOMI** ➤ Memperkukuh dan menjana pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu daya saing negeri; dan
- iv SUKAN** ➤ Memantapkan pembangunan sukan berprestasi tinggi untuk melahirkan atlet yang berkualiti.

Setiap teras strategik ini akan dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan yang akan diperincikan dalam laporan pelan strategik ini.

BAHAGIAN: 1
PENDAHULUAN
PSUK Ps

LATAR BELAKANG

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

Pada 05 Jun 1938, Almarhum DYMM Tuanku Syed Alwi, Raja Perlis yang keempat telah mencemar duli dengan menyempurnakan peletakan batu asas bagi pembinaan bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis (PSUK Ps). Era kolonial, bangunan tersebut yang dikenali sebagai “Bangunan Jam Besar” telah mula digunakan pada tahun 1940 dan bertanggungjawab untuk mengendalikan hal ehwal Pentadbiran British di Negeri Perlis. Yang Berhormat Tuan Osman bin Talib adalah anak Melayu yang pertama dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan berkhidmat pada 01 Februari 1948 hingga 19 November 1949.

Pada 17 Januari 2008, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis telah berpindah ke Kompleks Dewan Undangan Negeri yang terletak di Persiaran Wawasan dan bersebelahan Gua Cenderawasih. Sebagai sebuah jentera terpenting di bawah Kerajaan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis diberi tanggungjawab untuk menjalankan urusan pentadbiran, perkhidmatan dan pembangunan bagi merancang dan menyelaras dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk kemakmuran dan perpaduan kepada rakyat keseluruhannya serta menyumbang kepada usaha pembangunan negara.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dibahagikan kepada dua sektor utama iaitu Sektor Pembangunan dan Sektor Pengurusan. **Sektor Pembangunan** melaksanakan tugas-tugas perancangan dan pelaksanaan pembangunan melalui **Unit Perancang Ekonomi Negeri, Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan**, serta **Unit Pentadbiran Daerah**.

Manakala **Sektor Pengurusan** melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan keurusetiaan yang terdiri daripada **Pejabat Menteri Besar, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Bahagian Pengurusan Korporat dan Integriti, Bahagian Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Unit Audit Dalam** serta **Majlis Sukan Negeri**.

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berperanan sebagai penyelaras kepada agensi-agensi Negeri dan Persekutuan bagi memastikan kelancaran pentadbiran seluruh jentera Kerajaan Negeri dengan matlamat memacu perkhidmatan yang berorientasikan modal insan yang berintegriti dan berprestasi tinggi.



Visi Pelan Strategik
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis 2016 - 2020

“Peneraju transformasi pentadbiran awam negeri yang berdaya saing menjelang Tahun 2020”



Misi Pelan Strategik
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis 2016 - 2020

“Memacu penyampaian perkhidmatan awam negeri ke arah mencapai perkhidmatan bertaraf kelas pertama melalui transformasi dan penambahbaikan berterusan untuk memenuhi kehendak semua *stakeholders*”



Moto Pelan Strategik
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Perlis 2016 - 2020

“Perkhidmatan berkualiti pembangunan lestari”

NILAI-NILAI BERSAMA

AKRONIM PERLIS

- P** ➤ PROFESIONAL
- E** ➤ EFISIEN
- R** ➤ RESPONSIF
- L** ➤ LAYANAN MESRA
- I** ➤ INTEGRITI & INOVASI
- S** ➤ SINERGI

1. **P** PROFESIONAL

- Budaya kerja professional yang menggabungkan nilai, sikap dan kepercayaan yang dikongsi bersama menjadi asas warga kerja PSUK Ps dalam membentuk identiti dan personaliti agar menjadi cerminan kepada warga Perlis.

2. **E** EFISIEN

- Memiliki kompetensi dalam melaksanakan pekerjaan iaitu berpengetahuan dan berkemahiran dalam melaksanakan tugas.
- Memastikan penyampaian perkhidmatan dilaksanakan secara efisien iaitu dengan mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat tanpa pembaziran waktu, tenaga atau belanja melalui penggunaan sumber yang minimal (efisien) dengan penghasilan kerja (output) yang maksimum (efektif).

3. **R** RESPONSIF

- Sentiasa peka terhadap perubahan persekitaran dan *stakeholders*.
- Mengutamakan pelanggan dan bertindak balas terhadap aduan pelanggan dengan cepat, tepat dan berhemah.
- Mengadakan mesyuarat dan rundingan bersama *stakeholders* bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan.



4. **L LAYANAN MESRA**

- Mewujudkan budaya cakna (ambil berat) sesama warga kerja PSUK Ps dan mengutamakan pelanggan.
- Meningkatkan perkhidmatan kaunter agar lebih berorientasikan pelanggan dan mesra pelanggan.
- Memastikan operasi perkhidmatan berfungsi untuk kepuasan pelanggan yang maksima dalam pelbagai dimensi.

5. **I INTEGRITI & INOVASI**

- Sentiasa mengamalkan dan berpegang teguh kepada nilai-nilai integriti dan kejujuran bagi memelihara imej perkhidmatan awam yang utuh.
- Bercakap benar, menepati janji dan masa serta menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan berdisiplin.
- Berinovatif iaitu sentiasa mengaplikasikan sesuatu inisiatif atau kaedah baru di luar kelaziman yang boleh memberi impak signifikan kepada pelanggan.
- Berfikir di luar kotak, kritis, konstruktif, dan mengemukakan idea-idea yang bernas dalam menyelesaikan sesuatu isu dan masalah.

6. **S SINERGI**

- Semangat kerja berpasukan yang menggabungkan setiap Bahagian/Unit mewujudkan kompetensi saling bergantung sama ada dari segi keupayaan, kepakaran, kemahiran dan pengetahuan sekaligus setiap warga kerja memiliki akauntabiliti dan komitmen terhadap prestasi PSUK Ps serta bersedia melaksanakan tugas yang mencabar dalam menyampaikan perkhidmatan awam.



BAHAGIAN: 2
**PELAN
STRATEGIK
UMUM**



I PUNCA KUASA

Kuasa yang diberikan untuk melaksanakan Teras Strategik:

Sejajar visi menjadikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis peneraju transformasi pentadbiran awam negeri, pelaksanaan dan pematuhan undang-undang serta peraturan sedia ada merupakan aspek penting dalam menjayakan visi tersebut. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis juga memainkan peranan sebagai pemantau serta penyelaras di peringkat negeri.

UNDANG-UNDANG	➤ Perlembagaan Persekutuan ➤ Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis
AKTA	➤ Akta Acara Kewangan 1957 ➤ Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) ➤ Kanun Tanah Negara 1965 ➤ Lain-lain Akta Berkaitan
ENAKMEN	➤ Perbadanan Menteri Besar 1951 ➤ Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis 1973 ➤ Yayasan Islam 1988 ➤ Perbadanan Setiausaha Kerajaan ➤ Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis ➤ Lain-lain Enakmen Berkaitan
ARAHAN	➤ Arahan Perbendaharaan ➤ Surat Pekeliling Perbendaharaan ➤ Pekeliling Perbendaharaan ➤ Arahan Perkhidmatan ➤ Surat Pekeliling Perkhidmatan ➤ Lain-lain Arahan Berkaitan



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS



ISU DAN CABARAN

Selaras dengan fungsi utama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai agensi utama dalam pentadbiran Kerajaan Negeri, enam (6) isu kritikal telah dikenal pasti sebagai faktor dalaman dan luaran untuk diberikan perhatian, penekanan dan fokus yang lebih komprehensif dalam PSUK Ps 2016 – 2020.

1 SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN YANG MEMBERI KESAN TERHADAP EKSPEKTASI *STAKEHOLDERS* DAN PELANGGAN

Dalam era teknologi ini, perkhidmatan awam berdepan dengan pelbagai cabaran dalam memenuhi kehendak *stakeholders* dan pelanggan yang kian meningkat. Agensi kerajaan senantiasanya memberi penekanan yang tegas dalam memastikan aspirasi dan hala tuju yang ditetapkan kepimpinan negeri, amnya, dan negara, khususnya, bergerak seiring, termasuklah menjadikan agensi kerajaan sebagai sebuah organisasi yang berpusat kepada pelanggan atau *customer-centric*.

Sehubungan itu, pelbagai usaha telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan awam selari dengan peredaran masa dan sejajar dengan ekspektasi pelanggan. Kepimpinan tertinggi negeri dan negara meletakkan sasaran agar anggota perkhidmatan awam perlu menjadi tenaga kerja yang berpengetahuan, mengutamakan produktiviti, kreatif dan inovatif serta mempunyai nilai-nilai moral dan integriti yang tinggi. Nilai-nilai tersebut akan menjadikan setiap penjawat awam kekal relevan dengan keperluan persekitaran yang kompetitif.

2 CABARAN MEMBANGUNKAN MODAL INSAN BERTARAF KELAS PERTAMA

PSUKP Ps menekankan agenda untuk menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. Pembangunan modal insan merupakan faktor kritikal bagi menjana dan mengekalkan perkhidmatan bertaraf kelas pertama. Ketersediaan anggota perkhidmatan awam berkemahiran tinggi dalam menyampaikan perkhidmatan adalah penting bagi menjana produktiviti dalam pelbagai bentuk terhadap pertumbuhan ekonomi Negeri Perlis. Pembangunan modal insan dalam memantapkan lagi perkhidmatan awam menambah baik mobiliti sosial dan kesejahteraan rakyat serta *stakeholders*. Aspek utama dalam melahirkan anggota perkhidmatan awam berteraskan modal insan yang kukuh adalah dari segi kekuatan mental, fizikal dan rohani selaras dengan fokus yang digariskan dalam Misi Nasional dan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).



3 PEMBUDAYAAN ICT KE ARAH KERAJAAN DIGITAL

Pembudayaan ICT (*Information and Communication Technology*) atau Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pentadbiran PSUK Ps adalah amat diberi penekanan dan penerapan sebagai satu alat atau “*enabler*” bagi memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam serta ke arah penyampaian Kerajaan Digital. Sebagai pemangkin digital dalam Negeri Perlis, PSUK Ps berperanan untuk mendekatkan lagi jurang digital antara Kerajaan Negeri dengan masyarakat, antara bandar dan luar bandar serta antara agensi dengan agensi, baik awam mahupun swasta.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan perkara-perkara ini, penambahbaikan kepada sistem penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT sebagai “*enabler*” yang menjadi keperluan vital akan meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan awam Kerajaan Negeri sekaligus memenuhi ekspektasi pelanggan dan *stakeholders*.

4 MEMPERKUKUH SISTEM PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI DAN SOSIAL NEGERI

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bersama-sama dengan Unit Perumahan dan Kerajaan Tempatan (UPKT) dan Unit Pentadbiran Daerah (UPD) di bawah Sektor Pembangunan merupakan nadi kepada perancangan dan pembangunan pelbagai projek dan program yang memacu sosio ekonomi dan sosial negeri.

PSUK Ps memperkukuh infrastruktur dan prasarana yang menjadi agenda utama sistem perancangan dan pembangunan perbandaran selaras dengan **Rancangan Struktur Negeri Perlis 2030 (RSN Perlis)** yang melibatkan aspek-aspek seperti ekonomi, rangkaian pengangkutan, penggunaan tanah, landskap budaya serta fizikal secara keseluruhannya.

Sehubungan itu, bagi menjadikan Negeri Perlis sebagai hub utama pelaburan tinggi, Sektor Pembangunan disasarkan memberi fokus dalam sektor pertanian, pelancongan, perkhidmatan, perindustrian dan sebagainya yang akan memacu daya saing negeri.

5 MERAPATKAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI MELALUI STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)

Inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) telah mentransformasikan secara radikal jaringan dan hubungan strategik antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Melalui NBOS, Kerajaan Negeri telah menggunakan prinsip-prinsip Strategi Lautan Biru untuk memupuk kreativiti dan inovasi dalam penyampaian perkhidmatan awam, serta menjalinkan kerjasama bersama Kerajaan Persekutuan bagi memacu pembangunan ekonomi dan sosial negara.

Strategi lautan biru yang digariskan telah mentransformasikan kaedah penyampaian perkhidmatan awam dengan hasil yang berimpak tinggi, dengan kos yang rendah, pelaksanaan yang pantas, serta galakan dan sokongan bagi program-program inovasi dan kreativiti. Keselarasan dan kerjasama antara jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri merupakan prasyarat utama dalam mengekalkan integrasi nasional serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan khususnya di Negeri Perlis dapat disampaikan dengan cekap, tepat dan berintegriti.

Koordinasi ini membentuk kesefahaman bersama ke arah mencapai objektif dan matlamat pembentukan perpaduan dan pembangunan negara.

6 MEMPERKASAKAN TADBIR URUS TERBAIK (*GOOD GOVERNANCE*) DALAM SEKTOR AWAM

Sektor awam merupakan jentera pentadbiran, perkhidmatan dan penggerak ke arah pembangunan dan kemajuan negara. Pemantapan tadbir urus terbaik atau *good governance* dalam sektor awam diberi keutamaan dalam pengamalan sistem dan prosedur kerja yang cekap bagi menutup ruang penyelewengan serta salah guna kuasa. PSUK Ps berdasarkan hala tuju Rancangan Malaysia Kesebelas merasionalisasikan sektor awam untuk meningkatkan produktiviti dan prestasi berdasarkan kepada tadbir urus terbaik yang berteraskan kepada empat prinsip iaitu integriti, akauntabiliti, pengamanahan dan pengawasan (*stewardship*), serta ketelusan.

Objektif tadbir urus adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan pelanggan dan *stakeholders* terhadap keupayaan Kerajaan Negeri untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan di samping mengekalkan akauntabiliti di dalam sistem penyampaian awam.

Penyelarasan dilaksanakan terhadap setiap Bahagian dan Unit bagi mempunyai struktur perhubungan dan mekanisma berkomunikasi dua hala untuk memastikan maklum balas berkualiti diperoleh daripada *stakeholders* dan pelanggan berkaitan dengan prestasi PSUK Ps agar dapat mengurangkan rintangan dalam penyampaian perkhidmatan. Melalui usaha-usaha ini, semua pegawai PSUK Ps perlu memainkan peranan penting dalam mengamalkan prinsip tadbir urus terbaik supaya dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cemerlang ke arah mencapai matlamat Misi Nasional.



PERANAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

- 1 PERANCANGAN DAN PEMANTAUAN DASAR PROGRAM/PROJEK PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI**
Merancang, menyelaras dan melaksanakan pembangunan sosio ekonomi Negeri Perlis dengan mengoptimumkan potensi sumber secara komprehensif dan lestari.
- 2 PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN RANCANGAN PERUMAHAN AWAM DAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH**
Merancang dan melaksanakan kemudahan perumahan awam yang selamat, selesa, berkualiti dan mampu dimiliki bagi memastikan setiap rakyat Negeri Perlis dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna.
- 3 PENYELARASAN PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Menyelaras, memantau dan menjadi penghubung antara Kerajaan Tempatan, Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi memastikan perjalanan aktiviti Kerajaan Tempatan menepati dasar-dasar berkaitan.
- 4 MENYELARAS DAN MELAKSANAKAN PROGRAM DAN PROJEK PEMBANGUNAN DAERAH UNTUK MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN DAN PERPADUAN RAKYAT**
Pembangunan daerah dan luar bandar memberikan impak secara langsung kepada peningkatan taraf hidup rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah yang kebanyakannya tinggal di kawasan luar bandar. Peningkatan kualiti hidup rakyat menyumbang kepada pembentukan masyarakat sejahtera dan bersatu padu ke arah mencapai pembangunan holistik dan seimbang.
- 5 MEMBANGUN, MENYELARAS DAN MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI BERKESAN**
Cabaran dunia globalisasi memerlukan pendekatan yang dapat memberikan impak kepada kehidupan seharian. Penggunaan teknologi maklumat mampu merangsang pembangunan sesebuah negara melalui perkhidmatan atas talian yang mempunyai nilai tambah ke arah kehidupan yang lebih sejahtera.
- 6 MENGURUS TADBIR KERAJAAN NEGERI DALAM HAL-HAL PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
Menyediakan perkhidmatan kerajaan yang cekap dan berkesan bagi memenuhi kehendak *stakeholders* yang meliputi kepimpinan kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Pemantapan jentera pentadbiran negeri akan direalisasikan melalui pengukuhan struktur organisasi dan perjawatan yang optimum.

ANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN CABARAN

Strengths, Weaknesses, Opportunities And Threats (SWOT) Analysis

Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dirancang berdasarkan analisis persekitaran secara menyeluruh bagi memastikan setiap strategi yang dirancang dapat mengeksploitasi sepenuhnya kekuatan dan peluang yang ada di samping menangani kelemahan dan ancaman yang dihadapi. Persekitaran yang sentiasa berubah memberikan impak positif dan negatif kepada keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dalam mencapai visi dan misi yang disasarkan. Berdasarkan kepada analisis persekitaran yang telah dilaksanakan beberapa faktor kekuatan (*strengths*), kelemahan (*weaknesses*), peluang (*opportunities*) dan cabaran (*threats*) telah dikenal pasti seterusnya menjadi asas utama kepada pewujudan Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

Analisis SWOT adalah identifikasi pelbagai faktor secara sistematik untuk merumuskan strategi yang dapat memaksimumkan kekuatan (*strengths*) dan peluang (*opportunities*) serta meminimalkan kelemahan (*weaknesses*) dan ancaman (*threats*). Analisis SWOT juga adalah alternatif untuk membandingkan antara faktor luaran (peluang dan ancaman) dengan faktor dalaman (kekuatan dan kelemahan). Rangkuman keseluruhan Analisis Persekitaran adalah seperti di dalam Jadual Analisis SWOT yang telah dibahagikan berdasarkan kepada **Empat (4) Teras Strategik** iaitu **Pengurusan, Perkhidmatan, Ekonomi, dan Sukan**.

BAHAGIAN: 3
**PELAN
STRATEGIK
2016-2020**

RINGKASAN PELAN STRATEGIK 2016-2020 PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK	STRATEGI	PROGRAM
PENGURUSAN	6	24
PERKHIDMATAN	4	6
EKONOMI	3	9
SUKAN	3	12
JUMLAH	16	51

TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK
01

PENGURUSAN

Memperkasakan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan ke arah kecemerlangan organisasi.



TERAS STRATEGIK
02

PERKHIDMATAN

Memperkasakan serta merakyatkan penyampaian perkhidmatan ke arah meningkatkan kualiti hidup.



TERAS STRATEGIK
03

EKONOMI

Memperkuhkan dan menjana pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu daya saing negeri.



TERAS STRATEGIK
04

SUKAN

Memantapkan pembangunan sukan berprestasi tinggi untuk melahirkan atlet yang berkualiti.





JADUAL ANALISIS SWOT TERAS STRATEGIK 1

KEKUATAN (DALAMAN)	KELEMAHAN (DALAMAN)
➤ Infrastruktur ICT menyokong dalam pelaksanaan kerja harian (<i>office automation</i>) ➤ Sistem Aplikasi membantu dan memudahkan kerja-kerja harian ➤ Memberi nilai tambah/pengetahuan berkaitan ICT ➤ Pegawai yang bertanggungjawab dan berdedikasi terhadap amanah diberikan ➤ Pemantapan integriti dan tadbir urus melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus ➤ Kepimpinan ke arah perubahan pentadbiran ➤ Komunikasi antara pegawai dan kakitangan yang lebih mudah dan cepat ➤ Jalinan kemesraan dan semangat kerja organisasi yang kuat/kerjasama yang baik di antara bahagian/unit dan jabatan ➤ Sumber rujukan bagi pengurusan kewangan, aset dan perolehan ➤ Pengurusan kewangan dan perolehan yang cekap dan sistematik ➤ Dasar kawalan dalaman yang menyeluruh melalui audit dan secara berkala ➤ Peluang untuk penambahbaikan sistem pengoperasian dan aplikasi ➤ Data dan maklumat dapat dikawal secara dalaman ➤ Jalinan kerjasama dan kolaborasi dengan jabatan/agensi atau swasta/kerjasama yang baik dengan jabatan dan agensi ➤ Tranformasi perkhidmatan ➤ Dasar Perkhidmatan Awam yang memantapkan prosedur kerja semasa ➤ Dasar kawalan perbelanjaan berhemah secara berkala ➤ Penambahbaikan perjawatan dan struktur organisasi ➤ Peluang melanjutkan pelajaran menggalakkan budaya pembelajaran secara berterusan	➤ Kekurangan kepakaran dan kemahiran operasi dan teknikal ➤ Bilangan kakitangan yang tidak mencukupi/kakitangan sentiasa bertukar/struktur organisasi yang kecil ➤ Tiada mekanisme untuk menyalurkan polisi/dasar/peraturan terutama di peringkat bawah secara menyeluruh ➤ Masih ada yang tidak mahu menggunakan teknologi/budaya organisasi yang sukar menerima perubahan ➤ Kurang capaian/kemudahan internet ➤ Peralatan ICT cepat lapuk/usang (<i>obsolete</i>) ➤ Lokasi pentadbiran yang tidak berpusat (<i>non-centralized</i>) ➤ Tumpuan yang lebih kepada aktiviti ad-hoc berbanding tugas-tugas utama ➤ Budaya kerja silo/banyak birokrasi dalam organisasi ➤ Dasar, pekeling yang tidak jelas/sukar difahami/cepat berubah ➤ Pelan kesinambungan perkhidmatan organisasi yang kurang jelas ➤ Budaya kreativiti & inovasi yang kurang diamalkan ➤ Peruntukan kewangan yang terhad ➤ Kurang penglibatan dalam program inovasi ➤ Keadaan ekonomi semasa tidak menentu ➤ Kadar perubahan bentuk permintaan dan ekspektasi <i>stakeholders</i> dan pelanggan sukar diramal ➤ Persepsi pelanggan yang negatif ➤ Kebocoran maklumat sulit organisasi/ancaman pihak luar ➤ Pendapatan/pembangunan antara negeri yang tidak seimbang



STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 1

Memperkasakan Tadbir Urus Dan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Kecemerlangan Organisasi.

- Langkah untuk meningkatkan kualiti dan mutu penyampaian perkhidmatan awam Negeri Perlis adalah dengan memperkasakan tadbir urus PSUK Ps melalui pengukuhan budaya integriti, nilai-nilai murni, serta budaya organisasi yang berprestasi tinggi, kreatif, dan inovatif.
- Pentadbiran ini berazam untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kaunter dan mematuhi piagam pelanggan setiap Bahagian/Unit bagi memastikan PSUK Ps sebagai peneraju pentadbiran awam yang berdaya saing.
- Usaha memperkasakan penyampaian perkhidmatan awam perlu ditingkatkan seiring dengan rakyat yang berpengetahuan dan berinformasi dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sehubungan itu, satu persekitaran pengkomputeran lestari dan mampan diperlukan agar dapat menyokong pelaksanaan projek aplikasi ICT yang telah dikenal pasti. Persekitaran tersebut mestilah merangkumi infrastruktur, sistem pengurusan perisian dan keselamatan agar setiap perkhidmatan yang disediakan dapat digunakan dengan lebih optimum serta memenuhi kehendak pelanggan.



PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 1

TERAS STRATEGIK PENGURUSAN		MEMPERKASA TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Memperkasakan Keupayaan Tadbir Urus Organisasi	Pembangunan kompleks pentadbiran negeri yang berpusat (<i>centralised</i>)	Pewujudan kompleks pentadbiran yang berpusat dibangunkan	1 kompleks pentadbiran	2016-2020	UPEN
	Pembangunan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan (PKP)	Bilangan Pelan Kesenambungan Perkhidmatan	1 pelan	2017	BKP
	Pemantapan Indeks Penarafan Bintang (<i>Star Rating</i>)	Bilangan Bintang Penarafan	4 bintang	2016-2020	BKP
	Pemantapan penyelesaian Aduan Awam PSUK Ps	Tempoh penyelesaian Aduan PSUK Ps	Penyelesaian Aduan dalam tempoh 15 hari bekerja	2016-2020	BPK
Memantapkan Budaya Integriti Dan Nilai-nilai Murni Dalam Organisasi	Pewujudan perjawatan Pegawai Psikologi	Bilangan perjawatan baru Pegawai Psikologi	Seorang Pegawai Psikologi	2016-2020	BPSM
	Pelantikan Mentor	Bilangan Mentor	Seorang Mentor daripada setiap Bahagian/ Unit	2017	BPSM/ UKIPMI
	Pelaksanaan tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bermasalah	Bilangan Kes Tatatertib diselesaikan	85% daripada jumlah bilangan kes	Berterusan 2016-2020	Unit Integriti
	Pemantapan fungsi Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)	Bilangan mesyuarat dilaksanakan	3 kali setahun	2016-2020	Unit Integriti



TERAS STRATEGIK PENGURUSAN		MEMPERKASA TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Memperkasakan Hala Tuju Strategik Pengurusan Sumber Manusia	Memperkemas struktur organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis	Tempoh kajian semakan semula fungsi utama bahagian dan pengisian perjawatan secara berkala.	Setiap tahun	2016-2020	BPSM
	Memperkuhkan Pelan Strategik Sumber Manusia	Bilangan Kajian Semakan Semula Pelan Strategik Sumber Manusia	1 Kajian	2016	BPSM
	Penguhan Skim Perkhidmatan berasaskan pengetahuan dan keperluan	Tempoh Kajian Semakan Semula Skim Perkhidmatan	Setiap 2 tahun	2016-2020	BPSM
	Menyenaraikan dan mengenalpasti potensi pegawai untuk mengisi jawatan-jawatan strategik	Peratus pengisian jawatan strategik (Pengisian jawatan tertakluk kepada waran perjawatan yang diluluskan)	90% pengisian bagi jawatan strategik	2016-2020	BPSM
	Memantapkan Pengurusan Sumber Manusia	Tahap kepuasan kakitangan	Tahap kepuasan kakitangan meningkat 5% setiap tahun	2016-2020	BPSM
Memantapkan ICT Organisasi ke arah Merakyatkan Perkhidmatan Awam	Penyediaan Pelan Strategik ICT	Bilangan Laporan Pelan Strategik ICT	1 Dokumen Pelan Strategik ICT	2016-2020	BPTM
	Penguhan infrastruktur dan keselamatan perkakasan, sistem pengoperasian dan aplikasi ICT	Bilangan Kajian Keupayaan Rangkaian dan Aplikasi	1 kajian berkaitan rangkaian dan aplikasi	2016-2017	BPTM
			1 projek naik taraf rangkaian	2017	BPTM
		Bilangan aplikasi baru dibangunkan	2 aplikasi setahun mengikut permohonan pengguna	2017-2019	BPTM
		Bilangan perolehan peralatan/ perisian ICT	1 sebut harga perolehan peralatan perisian ICT	2017	BPTM
		Bilangan menaiktaraf laluan rangkaian fiber optik	1 projek menaiktaraf rangkaian	2017	BPTM
		Bilangan Audit Keselamatan ISMS	Satu (1) kali setahun	2016 - 2020	BPTM



TERAS STRATEGIK PENGURUSAN		MEMPERKASA TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Membudayakan Pengurusan Kewangan yang Sistematik Bagi Penyampaian Perkhidmatan yang Lebih Menyeluruh dan <i>Value For Money</i>	Meningkatkan kecekapan pengurusan peruntukan kewangan	Peratus Perbelanjaan/ Peratus pematuhan perbelanjaan	Melebihi 90% pematuhan perbelanjaan setiap tahun	2016-2020	UAD
	Mengadakan kerjasama latihan dengan rakan strategik	Bilangan program kerjasama di laksanakan	Empat (4) program setahun	2016-2020	BPSM
	Menjalankan Pengauditan Indeks Akauntabiliti Menerusi eSIAP	Bilangan semakan	Satu (1) kali setahun	2016-2020	UAD
	Mendapatkan Pengiktirafan Dalam Indeks SSR	Tahap kecemerlangan berdasarkan Bintang yang diperolehi	4 bintang	2016-2020	BKP
Pengukuhan Budaya Organisasi Berprestasi Tinggi, Kreatif dan Inovatif	Mempertingkat budaya kreativiti dan inovatif	Bilangan Kumpulan Inovasi Kerja (KIK) yang diwujudkan	Satu kumpulan setahun	2017-2020	UKIPMI
		Bilangan penyertaan dalam setahun	1 pertandingan setahun		
	Meningkatkan jumlah latihan/ kursus <i>functional</i>	Bilangan latihan/ kursus dan kemahiran	1 kursus <i>functional</i> bagi 1 pegawai setahun	2016-2020	UKIPMI
	Mengenal pasti budaya kerja dan kriteria pasukan berprestasi tinggi	Bilangan program pembudayaan kerja berprestasi tinggi	2 kali setahun	2016-2020	UKIPMI
	Merancang latihan dan kursus ke arah pembentukan pasukan yang bersinergi	Bilangan penganjuran program berteraskan <i>team building</i>	2 kali setahun	2016-2020	UKIPMI
	Memperkuh Pelaksanaan Pelan Transformasi PSUKPs	Bilangan inisiatif strategik	Pertambahan 1 inisiatif strategik setiap kali inisiatif tercapai	2016-2020	BPSM



JADUAL ANALISIS SWOT TERAS STRATEGIK 2

KEKUATAN (DALAMAN)	KELEMAHAN (DALAMAN)	PELUANG (LUARAN)	ANCAMAN (LUARAN)
Pemantauan serta penyeragaman dalam pengumpulan data dan maklumat ➤ Data/maklumat bilangan permohonan serta penawaran perumahan awam ➤ Data/maklumat bilangan pemilikan hartanah bumiputera ➤ Data/maklumat persempadanan kawasan penyelenggaraan jalan/parit/longkang, landskap dan pembersihan awam Kakitangan yang berdedikasi ➤ Keupayaan kakitangan untuk memberikan komitmen serta menyelesaikan tugas yang diberikan walaupun di dalam situasi yang menekan NBOS atau kerjasama di antara agensi-agensi ➤ Kolaborasi bersama Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri dan Sektor Swasta dalam melaksanakan program dan projek di peringkat jabatan Perkongsian kemahiran serta maklumat daripada agensi lain ➤ Garis panduan serta SOP berkenaan proses kerja di jabatan/agensi lain dikongsi bersama bagi tujuan penambahbaikan ➤ Perkongsian kemahiran serta kepakaran pegawai-pegawai di agensi teknikal bagi tujuan projek yang memerlukan kemahiran dan kepakaran sedemikian (Pegawai Kader) Pewujudan Satu Sistem Pengumpulan Data (One Data Centre) ➤ Semua maklumat diselaraskan dan diseragamkan kedalam satu sistem yang komprehensif yang mudah dicapai oleh semua agensi	Anggota yang terhad ➤ Kekurangan kakitangan menyebabkan bebanan kerja bertambah terutamanya bagi aktiviti Penguatkuasaan Kutipan hasil serta kerja-kerja teknikal di lapangan ➤ Pertukaran pegawai yang tidak diisi Tiada satu sistem yang komprehensif dalam proses penyimpanan penyeragaman data dan maklumat ➤ Pewujudan satu sistem yang dapat memuatkan segala data/maklumat sedia ada serta membolehkan maklumat tersebut diakses dengan mudah dan cepat Kekangan kemudahan aset ➤ Kekurangan kenderaan di unit untuk digunakan oleh Unit Penguatkuasaan dalam menjalankan tugas-tugas rasmi Tiada Penurunan Kuasa ➤ Penguatkuasa di UPKT hanya dapat menjalankan aktiviti penguatkuasaan berdasarkan perjanjian sewa/jual beli sahaja tanpa ada penurunan kuasa dari segi undang-undang Perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur yang tidak sistematik dan efektif pengurusan projek yang kurang cekap dan efektif data/maklumat yang terhad (sulit) ➤ Data/maklumat yang telah diperolehi diklasifikasikan sebagai data terhad yang tidak boleh dikongsi dengan orang ramai Campur tangan politik serta arahan kerja yang ad-hoc ➤ Terdapat campur tangan politik serta arahan kerja yang perlu dilaksanakan segera yang tidak ada dalam perancangan jabatan menyebabkan proses serta SOP kerja terganggu Kerjasama orang awam serta pemaju/kontraktor dalam mematuhi arahan serta dasar sedia ada ➤ Tiada kerjasama daripada pihak orang ramai dalam proses pembayaran sewa serta lain-lain bayaran ➤ Pemaju perumahan yang tidak memberikan kerjasama dalam Pematuhan Dalam Garis Panduan atau Dasar Perumahan Negeri	-	-



STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 2

Memperkasakan Serta Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan Ke Arah Meningkatkan Kualiti Hidup

- ▶ Pentadbiran ini berusaha untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan dengan tadbir urus daripada pelbagai peringkat pengurusan dengan penerapan nilai akauntabiliti dan integriti ke arah meningkatkan kualiti hidup.
- ▶ Warga kerja PSUK Ps memastikan Pentadbiran ini mempunyai sistem yang dinamik, cepat dan tepat melalui penggunaan sumber yang minimal (efisien) dengan penghasilan kerja (output) yang maksima (efektif).
- ▶ Objektif untuk merakyatkan penyampaian perkhidmatan adalah bagi menyemai dan meningkatkan keyakinan warga Perlis terhadap keupayaan PSUK Ps untuk melaksanakan dasar yang telah dimandatkan.

PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 2

TERAS STRATEGIK PERKHIDMATAN		MEMPERKASA TADBIR URUS DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KE ARAH KECEMERLANGAN ORGANISASI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Memantapkan Penyampaian Serta Perkongsian Maklumat dan Kemahiran Di Antara Agensi-Agensi	Mengukuhkan jalinan kerjasama dengan <i>person in charge</i> di setiap jabatan	Bilangan mesyuarat penyelarasan di antara agensi	2 kali setahun	2017-2020	UPD dan UPKT
Mengukuhkan Penyampaian Perkhidmatan PBT dan Pembangunan Infrastruktur Di Kawasan Bandar dan Kawasan Luar Bandar	Penguken pengurusan projek serta kewangan PBT	Bilangan mesyuarat penyelarasan projek dan kewangan	4 kali setahun	2017-2020	UPKT
	Mewujudkan dua (2) daerah	Bilangan dokumen yang disediakan	Satu (1) kertas MMK yang lengkap diangkat untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	2017-2020	UPD
Menyediakan dan Mengemaskini SOP dan TOR Dalam Melaksanakan Projek Pembangunan dan Pengurusan	Menambahbaik SOP/TOR/Garis Panduan mengikut keperluan semasa dan arahan kerajaan yang terpakai	Bilangan garis panduan/ perjanjian sewaan/Syarat-syarat permohonan	Satu dokumen garis panduan/ perjanjian sewaan/ syarat-syarat permohonan yang telah dikemaskini dan boleh digunakan	2017-2020	UPD dan UPKT
Mengukuhkan Keupayaan dan Kapasiti Organisasi Supaya Berada Pada Tahap Optima	Memastikan pengisian perjawatan dibuat di semua peringkat mengikut waran perjawatan	Peraturan pengisian perjawatan	90%	2016-2020	BPSM
	Membuat semakan semula keperluan perjawatan di dalam unit/jabatan setiap 2 tahun	Bilangan semakan dilakukan ke atas keperluan jawatan	2 tahun sekali	2016-2020	BPSM





JADUAL ANALISIS SWOT TERAS STRATEGIK 3

KEKUATAN (DALAMAN)	KELEMAHAN (DALAMAN)	PELUANG (LUARAN)	ANCAMAN (LUARAN)
➤ Lokasi pejabat yang memudahkan urusan perhubungan dan menjimatkan kos ➤ Keluaran Modal Insan dari 13 buah IPTA/IPTS di Negeri Perlis ➤ Lokasi strategik Negeri Perlis yang terletak dalam Indonesia-Malaysia-Thailand <i>Growth Triangle</i> (IMT-GT) ➤ Saiz negeri yang kecil ➤ Mempunyai lebih dari 28 produk pelancongan	➤ Sumber kewangan yang terhad ➤ Sumber asli terhad ➤ Tanah untuk pembangunan yang terhad ➤ Tahap kesedaran kepentingan ICT yang kurang dalam kalangan masyarakat ➤ Migrasi belia ➤ Peluang pekerjaan yang terhad ➤ Pelaburan mega yang kurang ➤ Kebergantungan usahawan kepada bantuan kerajaan ➤ Tiada <i>One Stop Agency</i> (OSA) untuk pelaburan ➤ Penguatkuasaan yang kurang berkesan ➤ Kurang memberi tumpuan kepada sektor pelancongan	➤ Saiz negeri yang kecil memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaan pemantauan projek pembangunan ➤ Kestabilan politik ➤ Kolaborasi Kerajaan Negeri dengan Agensi Swasta dan NGO ➤ <i>Cost Of Doing Business</i> yang rendah dengan insentif khusus pelaburan ➤ Pembangunan aktif negeri/negara jiran ➤ Kolaborasi bersama IPTA/IPTS untuk melaksanakan RND/ Industri Akademia ➤ Perkembangan ICT yang memacu perkembangan ekonomi negeri	➤ Saingan dari pusat pertumbuhan ekonomi dari negeri/negara jiran ➤ Perubahan ekonomi dunia



STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 3

Memperkukuh dan menjana pertumbuhan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat dan memacu daya saing negeri

- Langkah untuk mempertingkatkan kesejahteraan dan kemakmuran rakyat terus diperkukuhkan dengan melaksanakan pelbagai strategi dan program yang mantap. Antara strategi yang dilaksanakan dalam teras ini ialah pemerkasaan ekonomi melalui Industri Kecil dan Sederhana (IKS), penguatkuasaan kutipan hasil negeri, penggalakan pelaburan, pewujudan insentif khusus untuk Perlis dan pembangunan sektor pelancongan.
- Pemantauan rapi ke atas pembangunan dan pelaksanaan projek akan diperhalusi bagi pembangunan yang mampan. Kemudahan sosial dan penyediaan prasarana fizikal terus diberikan keutamaan dalam pentadbiran PSUK Ps memandangkan kemudahan yang cekap dan sistematik adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi sekaligus memperbaiki kualiti hidup masyarakat di Negeri Perlis.
- PSUK Ps akan memberikan penumpuan kepada peningkatan liputan rangkaian dan penggunaan kemudahan sedia ada secara lebih optimum bagi menyokong aktiviti ekonomi. Manakala kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar, terutamanya perkhidmatan pengangkutan yang lebih bersepadu serta berkualiti akan disediakan. Pelaksanaan program-program ini akan diperkukuhkan bagi mencapai matlamat Negeri Bandaraya menjelang 2030.



PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 3

TERAS STRATEGIK EKONOMI		MEMPERKUKUH DAN MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT DAN MEMACU DAYA SAING NEGERI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Memperkasakan Pertumbuhan Ekonomi Sedia Ada	Pemeriksaan Usahawan Industri Kecil dan Sederhana	Bilangan usahawan yang mendapat pensijilan halal	3 usahawan mendapat pensijilan halal setiap tahun	2017-2020	UPEN
	Pemeriksaan Program Kolaborasi Usahawan Bersama IPTA/IPTS, Jabatan /Agensi Usahawan	Bilangan program	1 program setahun	2017-2020	UPEN
	Pemantapan Penguatkuasaan Kutipan Hasil Negeri	Peratus peningkatan jumlah hasil negeri (bagi hasil sedia ada)	3% peningkatan setiap tahun	2017-2020	UPD
Mewujudkan dan Memantapkan Sumber Pertumbuhan Ekonomi Baru	Penggalakkan pelaburan tempatan/asing selaras dengan Pelan Strategik Pembangunan Negeri Perlis 2030	Bilangan peningkatan pelabur yang baru	2 pelabur baru setiap tahun	2017-2020	UPEN
	Pewujudan insentif khusus untuk Perlis	Bilangan dokumen	1 dokumen yang dibentangkan dalam MMKN	2017-2020	UPEN
	Semakan semula sumber hasil dan kadar cukai sedia ada	Bilangan dokumen	1 kertas MMKN berkenaan semakan semula	2017-2020	UPEN
Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi Negeri Melalui Sektor Pelancongan	Penganjuran program/acara pelancongan bertaraf nasional/ antarabangsa	Bilangan program/ acara	3 program/ acara setiap tahun	2017-2020	UPEN
	Penaiktarafan produk pelancongan sedia ada	Bilangan produk dinaik taraf	3 produk setiap tahun	2017-2020	UPEN
	Pewujudan pakej pelancongan	Bilangan pakej dibangunkan	3 pakej setiap tahun	2017-2020	UPEN





JADUAL ANALISIS SWOT TERAS STRATEGIK 4

KEKUATAN (DALAMAN)	KELEMAHAN (DALAMAN)	PELUANG (LUARAN)	ANCAMAN (LUARAN)
➤ Kemudahan prasarana secara berpusat di Kompleks Sukan Tuanku Syed Putra ➤ Pegawai perhubungan sukan yang efisien ➤ Kepakaran teknikal dari Persatuan Sukan Negeri (PSN) ➤ Saiz negeri yang kecil mengurangkan kos ➤ Pengangkutan dan kemudahan capaian atlet ke tempat latihan ➤ Peralatan latihan yang memuaskan dan peralatan sains sukan yang lengkap	➤ Kurang penyertaan ke kejohanan peringkat tertinggi ➤ Kurang motivasi di kalangan atlet/jurulatih ➤ Tiada atlet sepenuh masa ➤ Kurang jurulatih sepenuh masa ➤ Jurulatih kurang berpengalaman dari aspek teknik latihan ➤ Penglibatan tidak menyeluruh di kalangan <i>stakeholder</i>, rakan strategik dan pelanggan ➤ Tiada pencapaian di peringkat tertinggi	➤ Hubungan baik dengan rakan strategik seperti Jabatan Pelajaran Negeri Perlis, Institut Sukan Negara Dan Majlis Sukan Negara ➤ Aspirasi Kerajaan Negeri yang jelas menyokong pembangunan sukan Negeri Perlis ➤ <i>Power House</i> atlet di Jabatan Pendidikan Negeri Perlis dan Institusi Pengajian Tinggi ➤ Hubungan baik dengan Jurulatih Kebangsaan, Pegawai Sukan (MSNM) Pegawai Teknikal Kebangsaan dan Persatuan Sukan Kebangsaan	➤ Kekurangan sumber kewangan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan Program Pembangunan Atlet Impak Tinggi ➤ Kurang penajaan daripada korporat ➤ Halangan oleh keluarga, menyambung pelajaran, peraturan-peraturan sekolah



STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 4

Memantapkan Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi Untuk Melahirkan Atlet Yang Berkualiti

- Pelbagai usaha dilaksanakan untuk memantapkan teras sukan. PSUK Ps meletakkan matlamat untuk melahirkan Negeri Perlis sebagai sebuah negeri berbudaya sukan (*sporting state*) dengan menggalakkan penyertaan menyeluruh masyarakat dalam pelbagai bidang sukan, aktiviti kecergasan, rekreasi melalui pelaksanaan program sukan yang komprehensif.
- Antara perancangan yang dilaksanakan untuk pembangunan sukan Negeri Perlis adalah program pembangunan atlet dan jurulatih, program persediaan atlet dan pengukuhan hubungan *inter agency*, *stakeholders* dan pelanggan.
- Pembangunan sukan yang lebih pesat akan dilaksanakan di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) bagi membolehkan potensi atlet dapat dicungkil dan digilap pada peringkat tersebut.
- Usaha pencarian bakat secara sistematik berasaskan sains sukan membentuk dan mengekalkan prestasi atlet dari peringkat sekolah dengan lebih berkesan.
- Pendekatan sains sukan diberi penekanan sebagai satu program penting dalam merancang, memaju dan mempertingkatkan prestasi atlet di peringkat elit, pelapis dan paralimpik.
- Matlamat pembangunan sukan negeri adalah untuk melahirkan jaguh sukan bertaraf antarabangsa bagi mengungguli sukan-sukan popular sebagai kuasa dalam bidang-bidang sukan tertentu. Kesan yang ketara dengan kewujudan jaguh-jaguh sukan peringkat antarabangsa adalah sebagai ikon yang menjadi contoh dan aspirasi generasi muda.



PELAN TINDAKAN TERAS STRATEGIK 4

TERAS STRATEGIK SUKAN		MEMPERKUKUHDAN MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT DAN MEMACU DAYA SAING NEGERI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATURAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Memperkasakan Program Pembangunan Atlet dan Jurulatih yang Berstruktur	Kem motivasi atlet	Bilangan kem dianjurkan Peratus penyertaan atlet	2 kali setahun 80% penyertaan	2016-2020	MSNPs
	Seminar/ujian kecergasan/ bengkel periodisasi	Bilangan ujian/ seminar kecergasan Peratus penyertaan atlet dan jurulatih	4 kali setahun 80% penyertaan	2016-2020	MSNPs
	Latihan pusat atlet	Peratus penyertaan atlet dan jurulatih Bilangan latihan pusat	80% penyertaan 3 kali setahun	2016-2020	MSNPs
	Program <i>Talent Scouting</i> dan <i>Talent Identification</i>	Bilangan program	2 kali setahun	2016-2020	MSNPs
	Mewujudkan pusat latihan daerah sukan-sukan tumpuan	Bilangan pusat latihan Bilangan penglibatan atlet pelapis	1 pusat setiap parlimen 20 atlet pelapis untuk setiap pusat	2016-2020	MSNPs
	Penyertaan atlet ke kejohanan terpilih	Bilangan penyertaan Peratus peningkatan prestasi atlet	4 kali setahun setiap sukan 5% setahun sehingga mencapai penanda aras yang ditetapkan	2016-2020	MSNPs
Pemantapan Program-program Khusus Persediaan Atlet	Program <i>Young Lion</i>	Bilangan penyertaan atlet peringkat <i>multilateral</i>	50 orang	2016-2020	MSNPs
	Program Pembangunan Atlet Cemerlang (PPAC)	Bilangan penyertaan atlet peringkat pelapis	250 orang	2016-2020	MSNPs
	Program Latihan Persediaan SUKMA (PLPS)	Bilangan penyertaan atlet elit negeri Perlis	150 orang	2016-2020	MSNPs



TERAS STRATEGIK SUKAN		MEMPERKUKUHDAN MENJANA PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI MENINGKATKAN KUALITI HIDUP RAKYAT DAN MEMACU DAYA SAING NEGERI			
STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR SASARAN (KUANTITI/ KUALITI)	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN B/ TANGGUNGJAWAB
Mengukuhkan Perhubungan Inter Agensi, Stakeholders dan Pelanggan	Mempromosikan program-program MSNPS	Bilangan sekolah dilawati (bagi tujuan promosi)	5 buah sekolah dan IPTA	2016-2020	MSNPs
	Guna sama kemudahan sukan	Bilangan kemudahan guna sama dibangunkan/ diwujudkan	1 kemudahan setiap parlimen	2016-2020	MSNPs
	Lawatan kerja/ latihan ke agensi luar	Bilangan lawatan dan program kerjasama • MSN Malaysia dua hala • MSN-MSN negeri • ISN	4 kali setahun	2016-2020	MSNPs



BAHAGIAN: 4
**KAJIAN PELAN
STRATEGIK
2016-2020**



RANGKAIAN STRATEGIK

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis akan melaksanakan agenda pembangunan negeri dan agenda transformasi dengan mengambil peluang dan memanfaatkan forum-forum berikut :

- 1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- 2 Majlis Tindakan Negeri
- 3 Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri
- 4 Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri
- 5 Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- 6 Majlis Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri
- 7 Mesyuarat Jawatankuasa *Focus Group*
- 8 Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
- 9 Mesyuarat Pengurusan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
- 10 Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Kewangan
- 11 Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan
- 12 Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan
- 13 Mesyuarat Lembaga Perolehan Negeri
- 14 Mesyuarat Lembaga Tatatertib
- 15 Mesyuarat Jawatankuasa Aset
- 16 Mesyuarat Jawatankuasa Bajet Negeri
- 17 Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus



ELEMEN PENENTU KEJAYAAN

Kejayaan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis untuk mencapai visi dan misi adalah bergantung kepada elemen-elemen berikut:

KAPASITI ORGANISASI

Kapasiti organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis akan diperkukuhkan agar dapat melaksanakan fokus baru ke arah mencapai matlamat strategik yang ditentukan. Kapasiti ini akan disokong oleh struktur organisasi yang mantap dan pelaksanaan tugas secara fleksibel seperti kerja berpasukan, matriks dan berasaskan projek.

PENGURUSAN ILMU (*KNOWLEDGE MANAGEMENT*)

Ilmu, pengalaman dan amalan terbaik berkaitan pemodenan pentadbiran serta sistem penyampaian perkhidmatan akan dikongsi dan ditambah nilai melalui penggunaan sistem Pengurusan Ilmu atau *Knowledge Management* (KM). Penggunaan optimum KM akan memastikan penggunaan sumber ilmu secara berkesan dalam mencapai teras strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Tumpuan akan diberikan kepada peningkatan ilmu dan kepakaran modal insan melalui program pembangunan kompetensi yang sesuai dalam bidang-bidang kritikal dan strategik iaitu termasuk perancangan strategik, proses perekrutannya, perancangan dan pengurusan teknologi maklumat dan komunikasi serta pengurusan prestasi. Pendekatan mentor-mentee, *coaching* dan pengurusan pembangunan kerjaya akan turut dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kerja.

PEMANTAPAN NILAI DALAM SOSIO BUDAYA ORGANISASI

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis memastikan semua ahli organisasi mempunyai pegangan nilai yang utuh dan jati diri mantap melalui pembangunan modal insan serta penerapan integriti agar tidak terpengaruh dengan unsur-unsur negatif yang memberi kesan kepada pembangunan organisasi, negeri dan negara, di samping melaksanakan pembudayaan nilai-nilai positif secara konsisten dan berterusan.

ICT PEMANGKIN KEJAYAAN

ICT (*Information and Communication Technology*) atau Teknologi Maklumat dan Komunikasi merupakan pemangkin kepada kejayaan pengurusan dan juga merupakan alat yang diperlukan dalam memastikan sistem penyampaian yang lebih cekap dan tepat. Pelan Strategik ICT perlu diperkemas dari semasa ke semasa dalam memastikan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis sebagai pemacu dalam memberikan perkhidmatan dan melaksanakan pentadbiran dan pembangunan negeri.



PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK

PERKARA	TAHUN				
	2016	2017	2018	2019	2020
Mesyuarat Kajian Semula Pelan Strategik	Jun	Jun	Jun	Jun	Jun
Penilaian Pencapaian Tahun Pertama	Disember				
Penilaian Pencapaian Tahun Kedua		Disember			
Penilaian Pencapaian Tahun Ketiga			Disember		
Penilaian Pencapaian Tahun Keempat				Disember	
Penilaian Pencapaian Tahun Kelima					Disember
Pembangunan Pelan Strategik Baharu					Mulai Januari
Pemantauan Pelan Strategik	Pemantauan sepanjang tahun oleh Bahagian/Unit masing-masing				

Strategi dan plan tindakan yang telah ditetapkan di dalam Pelan Strategik PSUK Ps ini telah dirangka untuk dicapai dalam **tempoh 5 tahun iaitu 2016 sehingga 2020**. Oleh yang demikian, pemantauan dan kajian semula pelan strategik akan diadakan pada bulan Jun setiap tahun sehingga tahun 2020. Kajian semula pelan strategik ini dijalankan bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan teras strategik dan tahap penyampaian sasaran prestasi yang ditetapkan. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Sebagai langkah persediaan, **pembinaan dan penggubalan pelan strategik yang baharu** akan dilaksanakan pada bulan Jun hingga Disember 2020.



KE ARAH TRANSFORMASI NASIONAL 2050 (TN50)

Tempoh akhir pelaksanaan perancangan strategik ini adalah pada tahun 2020 selaras dengan dasar-dasar dan objektif membangunkan negara melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50). TN50 adalah rancangan nasional negara yang menjangkau tiga dekad proses dan gerak kerja bagi membentuk satu negara bangsa yang berwibawa serta berminda *par excellence* yang digubal khusus untuk Generasi Baharu. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi harapan dan dorongan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dapat mengukuhkan kedudukan sebagai peneraju transformasi perkhidmatan awam di Negeri Perlis yang berdaya saing menjelang tahun 2020 khususnya dalam bidang pengurusan dan pembangunan negeri selaras dengan TN50.

Agenda pengurusan dan pembangunan negeri adalah suatu agenda yang berterusan, maka perancangan strategik selama lima (5) tahun bukanlah suatu tempoh yang secukupnya untuk mengukur pencapaian secara holistik. Namun begitu, perancangan ini akan diteruskan lagi untuk memantapkan transformasi pengurusan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berdasarkan kepada keperluan semasa. Selepas tahun 2020, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis berwawasan untuk mencapai ke tahap seperti berikut:

- i Menjadi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan yang terunggul dan dijadikan *benchmark* di Malaysia;
- ii Modal Insan yang kreatif, inovatif dan mempunyai sahsiah yang unggul dihasilkan;
- iii Menjadikan seluruh perkhidmatan awam Negeri Perlis cekap dan berkesan serta disegani oleh setiap lapisan masyarakat;
- iv Mengukuhkan imej seluruh perkhidmatan awam Negeri Perlis sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin, cekap dan mendapat tempat di hati rakyat;
- v Menjadikan perkhidmatan awam di Negeri Perlis sebagai penyumbang utama kepada pendapatan Kerajaan Negeri Perlis.
- vi E-Kerajaan diaplikasi sepenuhnya melalui penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi;
- vii Pertumbuhan ekonomi dalam bidang sedia ada melalui peningkatan aktiviti ekonomi, hasil negeri dan jumlah pelaburan dalam negeri; dan
- viii Melahirkan pemimpin yang berkaliber dan berdaya saing melalui program *transformational leadership*.

I PENUTUP

Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap penting bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara. Pelan Strategik 2016 – 2020 PSUK Ps merupakan garis panduan utama bagi memantapkan keupayaan organisasi untuk menjadi peneraju dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam di Negeri Perlis. Dokumen ini turut menggariskan objektif dan sasaran strategik bagi tempoh lima (5) tahun serta menjadi rujukan utama kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi ini bagi merealisasikan matlamat strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis. Tumpuan akan lebih diberikan kepada usaha penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, pemantauan dan penilaian agar strategi dan program yang dirangka dapat mencapai sasaran dalam tempoh yang ditetapkan.

Penerbitan Buku Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis 2016 – 2020 adalah bukti kerjasama padu dan usaha yang mantap antara semua warga Bahagian dan Unit bagi menetapkan sasaran dan seterusnya merencanakan hala tuju organisasi selaras dengan keperluan rakyat serta kehendak pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*).

Kesimpulannya, adalah menjadi harapan penerbitan buku Pelan Strategik PSUK Ps 2016 – 2020 menjadi sebuah dokumen panduan yang memudahkan pemahaman teras strategi serta program-program pengurusan kepada setiap warga PSUK Ps seterusnya, mencapai misi PSUK Ps sebagai pemacu perkhidmatan awam bertaraf kelas pertama.



**PEJABAT SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERLIS**

Aras 1, Kompleks Dewan Undangan Negeri Perlis
Persiaran Wawasan, 01000 Kangar Perlis.
Tel: (+604) 973 8800 Faks: (+604) 977 5863